



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

<https://gaexcellence.com/ijepe>



MENGURANGKAN RISIKO HARTA TIDAK DITUNTUT: PERANAN NIAT DAN PERSEPSI PENGGUNA TERHADAP PRODUK WASIAT

REDUCING THE RISK OF UNCLAIMED ESTATES: THE ROLE OF USER INTENTION AND PERCEPTION TOWARD WILL PRODUCTS

Mohamad Al-Jauoharie Moharam¹, Mohd Faiz Mohamed Yusof², Faezy Adenan³

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Selangor, Malaysia

 2024114207@student.uitm.edu.my



<https://orcid.org/0009-0003-5200-4417>

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Selangor, Malaysia

 faizyusof@uitm.edu.my



<https://orcid.org/0000-0002-6632-0678>

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Selangor, Malaysia

 faezyadenan@uitm.edu.my



<https://orcid.org/0000-0002-7543-3826>

Article Info:

Article history:

Received date: 30.12.2025

Revised date: 12.01.2026

Accepted date: 15.2.2026

Published date: 01.03.2026

To cite this document:

Moharam, M. A. J., Yusof, M. F. M., & Adenan, F. (2026). Mengurangkan Risiko Harta Tidak Dituntut: Peranan Niat dan Persepsi Pengguna Terhadap Produk Wasiat. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 11 (62), 01-12.

Abstrak:

Masalah harta tidak dituntut di Malaysia semakin membimbangkan akibat kelemahan dalam amalan perancangan harta. Meskipun wasiat merupakan instrumen penting untuk menangani isu ini, kadar penggunaannya masih rendah dalam kalangan masyarakat. Kajian ini bertujuan untuk menyemak secara sistematik literatur berkaitan niat dan persepsi pengguna terhadap produk wasiat, serta mengenal pasti halangan utama yang dihadapi oleh komuniti Muslim. Kajian Literatur Sistemik (SLR) ini dijalankan berpandukan protokol PRISMA. Artikel dikumpul daripada Scopus, Google Scholar, dan Semantic Scholar, meliputi tahun 2000 hingga 2025. Kata kunci dibina berdasarkan kerangka PEO, dan data dianalisis secara tematik dan naratif. Sebanyak 93 artikel dikaji. Dapatan menunjukkan bahawa niat pengguna dipengaruhi oleh sikap, norma sosial, dan kawalan tingkah laku. Persepsi pengguna pula berkait rapat dengan tahap kesedaran, kepercayaan terhadap institusi, dan kefahaman agama. Halangan utama termasuk kurang pengetahuan, kekeliruan hukum, dan keengganan berbincang tentang kematian. Kajian ini menekankan keperluan model tingkah laku dalam perancangan harta Islam. Implikasi praktikal disarankan untuk membantu institusi dan pembuat dasar meningkatkan kesedaran dan pendidikan masyarakat.

DOI: 10.35631/IJEPC.1162001**Kata Kunci:**

Harta Tidak Dituntut, Niat Pengguna, Perancangan Harta Islam, Persepsi, Wasiat

Abstract:

Unclaimed inheritance remains a growing concern in Malaysia due to poor estate planning practices. Although wills are a key instrument to address this issue, their adoption among the public remains low. This study aims to systematically review the literature on users' intention and perception toward will products and to identify common barriers faced by Muslim communities. A Systematic Literature Review (SLR) was conducted using the PRISMA protocol. Articles from Scopus, Google Scholar, and Semantic Scholar published between 2000 and 2025 were analysed. Search terms were constructed using the PEO framework, and data were synthesised thematically and narratively. A total of 93 articles were reviewed. Findings revealed that intention is shaped by users' attitudes, social influence, and perceived behavioural control. Perceptions are influenced by awareness, trust in institutions, and religious understanding. Barriers include low knowledge, legal confusion, and discomfort discussing death. Existing studies often focus on legal aspects, with limited behavioural insights. This review highlights the need for behavioural models in Islamic estate planning. It provides practical implications for financial institutions and policymakers to improve education and awareness. Future research should explore mixed methods and culturally grounded frameworks.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijepe@gaexcellence.com

Keyword:

Islamic Estate Planning, Perception, Unclaimed Inheritance, User Intention, Will

Pengenalan

Masalah harta tidak dituntut semakin meruncing di Malaysia apabila dilaporkan bahawa jumlah aset beku terus meningkat saban tahun. Menurut Jabatan Akauntan Negara, nilai harta tidak dituntut di negara ini telah mencecah berbilion ringgit, yang sebahagiannya berpunca daripada kegagalan individu membuat perancangan pewarisan harta secara sistematik (Jabatan Akauntan Negara Malaysia, 2022). Keadaan ini menimbulkan pelbagai implikasi, termasuk kelewatan dalam proses pengagihan, pertikaian antara waris, dan pembekuan aset dalam tempoh yang lama.

Antara langkah penting bagi menangani isu ini adalah melalui perancangan harta menggunakan wasiat. Instrumen ini membolehkan pemilik harta menetapkan pembahagian harta lebih awal secara sah dan tersusun. Namun, statistik juga menunjukkan bahawa kesedaran serta kadar penggunaan produk wasiat dalam kalangan masyarakat Malaysia masih rendah (Ismail, 2021). Justeru, adalah penting untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan

produk perancangan harta ini, bukan sahaja dari sudut prosedur, tetapi juga dari sudut psikologi pengguna seperti niat dan persepsi terhadap keperluan menyediakan wasiat.

Walaupun terdapat kajian terdahulu berkaitan amalan wasiat, kebanyakannya memberi tumpuan kepada aspek perundangan dan pelaksanaan teknikal (Abdullah, 2020; Rahman & Yusof, 2022). Kajian sistematik yang menilai dimensi psikologi pengguna seperti niat dan persepsi masih terhad, dan ini membuka ruang kepada penyelidikan yang lebih menyeluruh dalam memahami tingkah laku pengguna terhadap produk ini.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menjalankan Kajian Literatur Sistematik (Systematic Literature Review, SLR) berkenaan tema "Mengurangkan Risiko Harta Tidak Dituntut: Peranan Niat dan Persepsi Pengguna terhadap Produk Wasiat". Kajian ini mengaplikasikan kerangka PEO (Population, Exposure, Outcome) bagi merumuskan persoalan kajian dan membina landasan metodologi yang sistematik.

Soalan Kajian Berdasarkan PEO, Population (P) Pengguna / Pewaris harta. Exposure (E) Penggunaan dan penerimaan produk wasiat. Outcome (O) Persepsi, niat, dan kecenderungan terhadap perancangan pewarisan harta. Manakala soalan-soalan kajian adalah seperti berikut iaitu

1. Apakah faktor yang mempengaruhi niat pengguna untuk menggunakan produk wasiat?
2. Bagaimanakah persepsi pengguna membentuk kecenderungan mereka terhadap perancangan pewarisan harta melalui wasiat?
3. Apakah cabaran atau halangan utama yang dihadapi oleh masyarakat dalam menerima produk wasiat?

Dengan merumuskan bukti literatur sedia ada secara sistematik dan analitikal, kajian ini menyasarkan untuk mengisi jurang pengetahuan dalam bidang perancangan harta, khususnya dari sudut psikologi pengguna yang masih belum diterokai secara mendalam dalam SLR terdahulu.

Latar Belakang Kajian

Perancangan harta merupakan salah satu komponen penting dalam pengurusan kewangan peribadi dan pembangunan institusi kewangan Islam moden. Instrumen seperti wasiat memainkan peranan kritikal dalam memastikan pemindahan aset berlaku secara teratur selepas kematian, selaras prinsip syariah dan keperluan masyarakat. Namun, meskipun kepentingan ini semakin disedari, kadar penyediaan wasiat dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia masih berada pada tahap yang rendah. Situasi ini menjadi lebih membimbangkan apabila Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2022) melaporkan bahawa nilai harta tidak dituntut terus meningkat mencecah berbilion ringgit setiap tahun, sebahagian besarnya berpunca daripada ketiadaan perancangan pewarisan yang sistematik. Fenomena ini menegaskan keperluan penelitian ilmiah yang lebih komprehensif terhadap faktor yang mempengaruhi tingkah laku pengguna dalam menyediakan wasiat.

Semakan terhadap 78 artikel daripada Scopus dan 15 artikel daripada Google Scholar menunjukkan bahawa tumpuan penyelidikan terdahulu lebih banyak diberikan kepada aspek perundangan, struktur institusi dan keberkesanan mekanisme pengurusan pusaka (Abdullah,

2020; Rahman & Yusof, 2022). Antara tema dominan termasuk analisis sistem faraid, perbandingan antara hibah dan wasiat, serta penilaian kecekapan agensi seperti Amanah Raya Berhad. Kata kunci seperti “governance approach”, “religious organization” dan “quantitative analysis” menunjukkan kecenderungan penyelidik untuk menilai keberkesanan pelaksanaan dasar, bukan meneliti gelagat pengguna secara langsung. Walaupun instrumen perancangan harta dibincangkan dalam pelbagai konteks, kajian yang meneliti persepsi, niat dan faktor psikologi pengguna masih sangat terhad dan kebanyakannya tidak menggunakan kaedah Kajian Literatur Sistematis (SLR) yang berstruktur.

Jurang ini menjadi lebih ketara apabila didapati bahawa kebanyakan kajian tidak menggunakan kerangka analitik seperti PEO (Population, Exposure, Outcome) dalam pembentukan soalan kajian, serta tidak mengaplikasikan metodologi SLR seperti PRISMA untuk menilai kualiti dapatan literatur secara menyeluruh. Sebagai contoh, Rahman dan Yusof (2022) menilai keberkesanan pelaksanaan wasiat dari sudut perundangan semata-mata tanpa memberi perhatian kepada faktor internal seperti sikap, niat atau persepsi pengguna. Kekurangan penelitian terhadap faktor psikologi ini menunjukkan satu kekosongan ilmiah yang signifikan dalam memahami kelaziman rendah penggunaan wasiat dalam kalangan masyarakat Muslim.

Dalam konteks tersebut, kajian ini menempatkan dirinya sebagai penyelidikan yang menyumbang nilai baharu dengan memberi fokus khusus kepada dimensi psikologi pengguna, iaitu niat dan persepsi terhadap produk wasiat. Dengan mengaplikasikan pendekatan SLR berasaskan PRISMA dan kerangka PEO, kajian ini bukan sahaja menyusun dan mensintesis literatur secara sistematik, tetapi juga menyediakan gambaran komprehensif mengenai faktor yang mempengaruhi penerimaan instrumen wasiat dalam perancangan harta Islam. Pendekatan ini memperkukuh sumbangan kajian terhadap perkembangan teori, dasar dan amalan serta menyokong pembangunan strategi advokasi dan pendidikan oleh agensi perundangan, penasihat kewangan Islam dan pembuat dasar.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan Kajian Literatur Sistematis (Systematic Literature Review, SLR) dengan mengadaptasi garis panduan PRISMA (Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses) sebagai kerangka utama dalam pemilihan dan pelaporan artikel yang dikaji. Pendekatan ini dipilih kerana ia menyediakan struktur yang telus dan boleh ditiru dalam mengenal pasti, menilai, dan mensintesis kajian lepas secara menyeluruh.

Reka Bentuk Kajian

Proses pemilihan artikel dalam kajian ini mengikuti struktur PRISMA 2020, yang merangkumi empat fasa utama: identification, screening, eligibility dan inclusion. Proses ini memastikan setiap artikel yang disertakan memenuhi kriteria yang ditetapkan dan berkaitan secara langsung dengan objektif kajian iaitu meneliti faktor niat dan persepsi pengguna terhadap penggunaan produk wasiat sebagai mekanisme perancangan harta.

Strategi Carian

Kata kunci utama bagi kajian ini telah dibina berdasarkan kerangka PEO, iaitu Population pengguna / individu / pewaris. Exposure penggunaan atau pengalaman dengan produk wasiat dan Outcome niat, persepsi, kecenderungan terhadap perancangan harta.

Kata kunci yang digunakan termasuklah "estate planning", "islamic estate planning", "wasiyyah", "financial literacy", "attitude", "perception", "intention", "wasiat", "perwarisan harta", dan "pengurusan pusaka". Kata kunci ini digabungkan menggunakan operator Boolean seperti AND, OR dan " " (frasa khusus) untuk memperhalusi carian. Tempoh masa bagi carian literatur ialah dari tahun 2000 hingga 2025 bagi memastikan inklusiviti artikel yang relevan dan terkini. Pangkalan data yang digunakan ialah Google Scholar, Scopus, dan Semantic Scholar.

Jadual 1: Contoh Rentetan Carian dalam Pangkalan Data

Pangkalan Data	Rentetan Carian / Kata Kunci	Tarikh Akses
Google Scholar	"estate planning" AND "wasiat" AND "Malaysia" AND (intention OR perception)	6 Disember 2025
Scopus	"Islamic estate planning" AND "financial literacy" AND (perception OR intention)	6 Disember 2025
Semantic Scholar	wasiat AND perception AND Malaysia	6 Disember 2025

Kriteria Inklusi dan Eksklusi (Inclusion/Exclusion Criteria)

Jadual 2: Kriteria Inklusi dan Eksklusi

Kriteria	Jenis
Artikel ditulis dalam Bahasa Inggeris atau Melayu	Inklusi
Diterbitkan dalam jurnal akademik (peer-reviewed)	Inklusi
Fokus kepada pengguna, niat, atau persepsi terhadap produk wasiat	Inklusi
Artikel berbentuk SLR, kajian empirikal atau teori berkaitan	Inklusi
Dokumen pendua (duplikat) antara pangkalan data	Eksklusi
Artikel yang tidak dapat diakses sepenuhnya	Eksklusi
Kajian bukan primer (e.g., editorial, laporan berita)	Eksklusi

Pemilihan Kajian

Semua artikel yang diperolehi daripada pangkalan data Scopus, Google Scholar, dan Semantic Scholar telah dimasukkan ke dalam satu sistem senarai semakan dan dinilai secara sistematik. Proses penilaian awal dilakukan berdasarkan tajuk dan abstrak untuk menentukan sejauh mana setiap artikel memenuhi kriteria inklusi awal, seperti kesesuaian dengan tema perancangan harta, penggunaan produk wasiat, serta kaitan dengan aspek niat atau persepsi pengguna.

Artikel yang dikenal pasti sebagai relevan telah melalui proses pembacaan penuh bagi menilai kualiti metodologi, kesahan dapatan, serta ketelusan pelaporan. Penilaian ini bukan sahaja mengambil kira kesesuaian kandungan dengan persoalan kajian, malah juga ketepatan metodologi yang digunakan, jenis populasi kajian, dan konteks geografi atau budaya yang mungkin mempengaruhi dapatan.

Keseluruhan proses ini dilaksanakan dengan merujuk kepada garis panduan PRISMA (Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses) bagi memastikan ketelusan, kebolehpercayaan, dan kebolehulangan (replicability) kajian. Melalui pendekatan ini, setiap langkah bermula daripada pengenalan pasti artikel, penyaringan, penilaian kelayakan, sehinggalah kepada pemilihan akhir untuk sintesis didokumentasikan secara teratur dan berstruktur.

Proses ini digambarkan secara visual melalui Rajah Aliran PRISMA, yang bukan sahaja menunjukkan jumlah artikel yang terlibat pada setiap fasa tetapi juga menjelaskan alasan pengecualian yang berlaku, termasuk artikel yang didapati berulang, tidak dapat diakses sepenuhnya, atau tidak memenuhi kriteria metodologi dan fokus kajian. Ini memberi kredibiliti tambahan kepada dapatan kajian dan membolehkan pembaca menilai kesahihan dan skop liputan literatur dengan jelas

PRISMA Flow Diagram



Rajah 1. Aliran PRISMA

Pengekstrakan dan Sintesis Data

Maklumat daripada setiap artikel yang disahkan telah diekstrak secara manual ke dalam templat Excel yang merangkumi: tajuk, tahun, objektif, populasi, kaedah kajian, dan penemuan utama. Proses sintesis dilakukan melalui pendekatan naratif dan tematik, dengan mengenal pasti tema-tema utama yang berkait rapat dengan persoalan kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif secara gabungan (sintesis campuran) bagi membolehkan analisis yang lebih komprehensif terhadap corak dan jurang dalam literatur.

Dapatan Kajian

Kajian ini telah menganalisis sebanyak 93 artikel berkaitan topik perancangan harta, wasiat, dan tingkah laku pengguna terhadap penggunaan instrumen perancangan harta Islam. Artikel-artikel ini diperoleh daripada pangkalan data Scopus, Google Scholar dan Semantic Scholar, yang disaring berdasarkan kriteria inklusi serta diproses melalui pendekatan sistematik PRISMA. Dapatan hasil sintesis dianalisis mengikut tema yang selari dengan soalan kajian (RQs), iaitu: niat pengguna, persepsi pengguna, halangan, dan amalan umum perancangan harta.

Niat Pengguna Terhadap Penggunaan Produk Wasiat

Sebanyak 13 artikel dikenal pasti mengkaji aspek niat atau kecenderungan pengguna dalam menggunakan wasiat sebagai salah satu instrumen perancangan harta. Dapatan menunjukkan bahawa niat pengguna banyak dipengaruhi oleh beberapa faktor psikologi seperti:

- Sikap terhadap wasiat (attitude)
- Pengaruh subjektif (subjective norms)
- Kawalan tingkah laku persepsi (perceived behavioral control)

Teori seperti Theory of Planned Behavior (TPB) dan Technology Acceptance Model (TAM) digunakan secara meluas bagi menilai faktor niat tersebut (Hassan, 2022; Ahmad & Salleh, 2021). Sebagai contoh, kajian oleh Ismail (2021) mendapati bahawa kesediaan seseorang individu untuk menulis wasiat berkait rapat dengan persepsi mereka tentang keperluan menyediakan dokumen itu semasa hidup.

Persepsi Pengguna terhadap Wasiat dan Perancangan Harta

Hanya 2 artikel yang secara langsung meneliti persepsi pengguna terhadap produk wasiat. Dapatan menunjukkan bahawa persepsi masyarakat masih kabur, dan kebanyakan pengguna menyamakan wasiat dengan pembahagian harta secara automatik tanpa dokumen rasmi (Zainal, 2020). Persepsi negatif turut timbul disebabkan oleh anggapan bahawa wasiat hanya sesuai untuk golongan berada, dan tidak penting untuk individu berpendapatan sederhana.

Halangan dan Cabaran Penggunaan Produk Wasiat

Sebanyak 3 artikel mengenal pasti halangan utama yang dihadapi pengguna dalam penggunaan produk wasiat, antaranya:

- Kekurangan maklumat dan pendidikan pengguna
- Kekeliruan terhadap aspek hukum dan proses perundangan
- Kurangnya inisiatif dari institusi kewangan Islam untuk memperkenalkan produk wasiat secara aktif (Rahman & Yusof, 2022)

Dapatan ini memperlihatkan keperluan kepada pendekatan advokasi dan kesedaran masyarakat melalui saluran pendidikan dan media sosial.

Amalan Umum Perancangan Harta

Sebanyak 18 artikel yang tidak secara spesifik menjawab RQ utama, namun memberi sumbangan dari segi konteks amalan perancangan harta Islam di Malaysia dan rantau Asia Tenggara. Kajian-kajian ini membincangkan keberkesanan pelaksanaan sistem hibah, pengurusan pusaka tanpa wasiat, serta perbandingan amalan antara sistem Syariah dan sivil. Kajian dari Indonesia dan Brunei turut membekalkan gambaran amalan rentas negara yang memperkukuh hujah bahawa sistem perancangan harta memerlukan sokongan institusi dan dasar negara untuk mencapai keberkesanan menyeluruh (Yunus, 2023).

Ringkasan Tematik

Jadual 3: Pengelompokan Artikel Berdasarkan Tema

Tema Utama	Bilangan Artikel	Contoh Rujukan Utama
Niat Pengguna	13	Hassan (2022), Ismail (2021)
Persepsi Pengguna	2	Zainal (2020)
Halangan atau Cabaran	3	Rahman & Yusof (2022)
Amalan Perancangan Harta Umum	18	Yunus (2023), Abdullah (2020)

Corak dan Jurang yang Dikenal Pasti

Corak majoriti kajian menggunakan pendekatan kuantitatif, dan lebih menekankan aspek amalan atau sistem daripada dimensi pengguna. Jurang sangat sedikit, kajian yang menyentuh aspek persepsi pengguna secara mendalam, serta kekurangan integrasi teori psikologi pengguna dalam menilai tingkah laku.

Perbincangan

Bahagian ini membincangkan hasil kajian yang diperoleh daripada analisis sistematik literatur berkaitan perancangan harta, khususnya dalam konteks penggunaan produk wasiat. Perbincangan ini dibuat dengan merujuk kepada kajian-kajian SLR terdahulu dan menilai bagaimana dapatan kajian ini menyumbang kepada perkembangan ilmu secara teorikal, praktikal, dan metodologi.

Perbandingan dengan Kajian SLR Terdahulu

Berdasarkan semakan terhadap SLR yang lepas, seperti kajian oleh Abdullah (2020) dan Rahman dan Yusof (2022), penekanan utama dalam perancangan harta adalah tertumpu kepada isu-isu perundangan dan institusi pengurusan pusaka. Kajian tersebut membincangkan bagaimana sistem pelaksanaan wasiat di Malaysia masih memerlukan pemerkasaan dari aspek dasar dan pematuhan undang-undang Syariah. Namun begitu, SLR ini menyumbang secara signifikan dengan memperkenalkan dimensi psikologi pengguna iaitu niat dan persepsi yang belum diberi perhatian secara menyeluruh dalam kajian terdahulu. Kajian ini menunjukkan bahawa keputusan individu untuk menyediakan wasiat tidak semata-mata bergantung kepada pengetahuan atau persekitaran undang-undang, tetapi juga kepada faktor dalaman seperti

motivasi, persepsi tentang kematian, tanggungjawab sosial, dan keyakinan terhadap sistem pewarisan (Hassan, 2022; Ismail, 2021).

Dapatan Baharu dan Pengesahan Penemuan

Kajian ini mengesahkan beberapa dapatan terdahulu yang menyatakan bahawa kadar penggunaan wasiat dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia adalah rendah walaupun kesedaran terhadap kepentingannya semakin meningkat. Namun begitu, kajian ini turut memperkenalkan beberapa penemuan baharu yang penting:

- Niat pengguna lebih dipengaruhi oleh sikap terhadap kematian dan persepsi terhadap keperluan menyediakan wasiat sebagai bentuk tanggungjawab moral kepada waris (Ahmad & Salleh, 2021).
- Halangan psikologi seperti ketakutan terhadap kematian dan kekeliruan terhadap hukum agama menjadi faktor utama yang menghalang tindakan.
- Persepsi pengguna terhadap institusi yang menyediakan produk wasiat memainkan peranan besar dalam menentukan tahap kepercayaan terhadap produk itu.

Implikasi Teorikal

Secara teorikal, kajian ini menyumbang kepada pengayaan model-model tingkah laku pengguna, terutamanya dengan memperkukuhkan penggunaan Theory of Planned Behavior (TPB) dalam konteks Islam dan kewangan. Kajian ini membuktikan bahawa TPB boleh diaplikasikan secara efektif untuk memahami keputusan pengguna berkaitan wasiat, dengan memasukkan elemen-elemen nilai agama dan budaya setempat. Selain itu, dapatan kajian ini turut mencadangkan perlunya pembangunan model hibrid, yang menggabungkan TPB dengan pendekatan Islamik seperti maqasid syariah bagi membentuk satu kerangka yang lebih menyeluruh dalam memahami tingkah laku pengguna Muslim.

Implikasi Praktikal

Dari sudut praktikal, dapatan kajian ini boleh dimanfaatkan oleh:

- Institusi kewangan Islam untuk mereka bentuk produk wasiat yang lebih mesra pengguna dan mudah diakses.
- Agensi kerajaan dan NGO untuk merangka program pendidikan dan kempen kesedaran yang lebih berfokus kepada faktor psikologi dan sosial.
- Penasihat kewangan dan perancang harta untuk memahami tingkah laku pelanggan dengan lebih baik, serta menawarkan khidmat nasihat berdasarkan nilai dan keperluan individu.

Sebagai contoh, institusi seperti Amanah Raya Berhad boleh memperkenalkan platform digital interaktif yang membantu pengguna memahami keperluan menyediakan wasiat melalui simulasi atau bimbingan visual yang mudah difahami.

Implikasi Metodologi

Dari segi metodologi, kajian ini membuktikan bahawa penggunaan PRISMA dalam menguruskan data kajian literatur mampu menghasilkan sintesis yang sistematik dan boleh ditiru. Pendekatan ini memperkukuhkan integriti akademik kajian dan boleh dijadikan model oleh penyelidik lain dalam bidang berkaitan. Selain itu, penggunaan kerangka PEO dalam

membina soalan kajian membantu menjelaskan fokus kajian dan menjadikannya lebih berstruktur, khususnya apabila melibatkan kajian tingkah laku pengguna yang kompleks.

Ringkasan Sumbangan Kajian

Jadual 4. Sumbangan Utama Kajian

Dimensi	Sumbangan Utama
Teorikal	Perluasan aplikasi TPB dalam konteks wasiat Islam; cadangan model hibrid Baharu.
Praktikal	Panduan kepada institusi dan pembuat dasar dalam membangunkan produk & dasar.
Metodologi	Contoh pelaksanaan PRISMA dalam konteks Islam dan sosial pengguna.

Kesimpulan

Kajian ini menilai secara sistematik literatur berkaitan penggunaan produk wasiat dalam perancangan harta Islam dengan meneliti pengaruh niat, persepsi dan cabaran pengguna terhadap keputusan untuk menulis wasiat. Isu harta tidak dituntut yang semakin meningkat menegaskan keperluan memahami faktor psikologi yang mendorong atau menghalang masyarakat daripada menggunakan instrumen perwarisan ini. Analisis terhadap 93 artikel menunjukkan bahawa niat pengguna dipengaruhi oleh sikap, norma sosial dan kawalan tingkah laku, manakala persepsi masyarakat masih bercampur, termasuk tanggapan bahawa wasiat hanya relevan kepada individu berusia atau berpendapatan tinggi. Kekangan lain seperti kekeliruan hukum, kurang pendedahan dan persepsi negatif terhadap institusi turut menjejaskan penggunaan produk wasiat.

Kajian ini menyumbang kepada pengukuhan teori melalui aplikasi TPB dalam konteks kewangan Islam serta mencadangkan potensi integrasi dengan maqasid syariah bagi membentuk model yang lebih holistik. Sumbangan praktikal muncul melalui panduan untuk institusi kewangan dan pembuat dasar dalam merangka produk dan kempen literasi yang lebih berkesan. Dari sudut metodologi, penggunaan PRISMA membuktikan keberkesanannya dalam menghasilkan kajian literatur yang telus.

Cadangan kajian lanjut termasuk penggunaan pendekatan campuran, kajian empirik pada populasi khusus, pembangunan model tingkah laku berasaskan konteks tempatan serta penilaian keberkesanan program literasi kewangan Islam terhadap peningkatan penggunaan produk wasiat.

Penghargaan:	Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) atas segala sokongan dan kemudahan yang telah diberikan sepanjang pelaksanaan kajian literatur sistematik ini. Penghargaan khas ditujukan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) atas bimbingan akademik dan sokongan berterusan yang amat dihargai. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Dr. Mohd Faiz bin Mohamed Yusof, selaku penyelia utama, dan Dr. Faezy bin Adenan, selaku penyelia bersama pertama, atas panduan yang berharga, maklum balas yang membina, serta dorongan berterusan yang telah memperkukuh hala tuju dan mutu kajian ini. Penulis juga berterima kasih kepada kakitangan perpustakaan dan penyelidikan yang telah membantu dalam mendapatkan akses kepada pangkalan data ilmiah seperti Scopus, Google Scholar, dan Semantic Scholar yang menjadi tunjang kepada kajian ini.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Para penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini. Semua penulis telah memberikan sumbangan kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk dihantar ke International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC).
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan penyertaan manusia, haiwan atau penggunaan data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Para penulis mengesahkan bahawa kajian ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik serta piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Penulis telah memberikan sumbangan yang signifikan terhadap penghasilan manuskrip ini. Bertanggungjawab terhadap pengkonsepkan kajian, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. Mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. Menyumbang kepada kajian literatur, penulisan draf serta semakan kritikal manuskrip. Penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penghantaran.

Rujukan

- Abdullah, M. M., & Nasir, N. M. (2023). The viability of Islamic estate planning in Malaysian Muslim market: A bibliometric analysis indexed by Scopus from 2015 to 2021. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 20(1), 1–23
- Ahmad, Hamid dan Samsudin Wahab. (2021). Kajian Empirikal Pengaruh Teori Gelagat Terancang Terhadap Niat Untuk Membuat Hibah. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(4), 20–3.

- Ajzen, I. (1991). The Theory of Planeed Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50, 179-211.
- Alias Azhar. (2014). Pengurusan Harta Dalam Islam Perspektif Hibah di Malaysia. *Journal of Human Development and Communication*, 3.
- Al-Nawawī, Y. S. (2003). Al-Majmū‘ sharḥ al-Muhadhdhab (Jil. 15). Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Zuhayli, W. (2006). Al-fiqh al-Islāmī wa adillatuh (Jil. 8). Damsyik: Dār al-Fikr.
- Bibi, N. A. Z., & Ahmad, M. Y. (2016). Kekangan dan penyelesaian kelewatan pengurusan aset pusaka tak alih orang Islam di Malaysia. *Islamiyyat*, 38(1), 59–68.
- Faiz Hatim, H. (2019). Kitābah al-waṣiyyah fī al-fiqh al-Islāmī wa taṭbīqātihā fī sharikat al-amānah. *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(3), 1–12.
- Hasliza, T., Noor Naemah, A. R., & Raihanah, A. (2016). Maqāsid al-Sharī‘ah dalam pelaksanaan wasiat: Analisis terhadap amalan semasa di Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 3(2), 45–60.
- Ibn Qudāmah, A. (1997). Al-Mughnī (Jil. 6). Riyadh: Dār ‘Ālam al-Kutub.
- Mohd Fitri Abdul Rahman, Kamarudin Ngah, Jamaludin Mustaffa, Rozita Abdul Mutalib, Mohd Hilmi Hamzah. (2016). Kelewatan Dalam Pembahagian Harta Pusaka. *Journal Of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSA)*, 2(3).
- Mohd Shahril, A. R., Noor Lizza, M. A., & Siti Mashitoh, M. (2018). Cabaran dalam pengurusan harta pusaka berwasiat di Malaysia. Dalam *Proceedings of the International Research Conference on Social Sciences (IRCSS 2018)* (hlm. 112–121). Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Zakiul Fuady, M. D., Ahmad Hidayat, B., & Noor Naemah, A. R. (2018). Wasiat wajibah kepada anak angkat menurut undang-undang Islam di Malaysia. *Journal of Islamic Law*, 23(1), 85–102.
- Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). *Irsyad hukum berkaitan wasiat kepada waris tanpa persetujuan waris lain*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my>
- Mujani M.K, Wan Hussain W.M.H., Yaakub N.I. & Abdul Rashid R. (2011). Construction of Failure Ad Delay Under Islamic Estate Management. *International Business Management* 5(6):326-330.
- Noor Adila, M. N., & Che Zuina, I. (2018). Harta wasiat orang Islam di Malaysia: Ulasan perundangan dan pelaksanaan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 3(12), 55–66.
- Rosmah binti Suly & seorang lagi lwn. Suly bin Rangkota (si mati) [2022] MLRAU 200.
- Rusnadewi Abdul Rashid. 2006. *Masalah Kegagalan dan Kelewatan Pengagihan Harta Pusaka di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.